


Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah
Volume 22 No. 1 (2026)
ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328
Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **Matrimonial Property Governance in Malaysia: A Maqāsid al-Sharīah Approach to Qur'ānic Justice, Family Welfare, and Madani Sustainability**
- Author (s) : Zarinna Abu Zarin, Hamidah Mat
- Affiliation (s) : Open University Malaysia
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.629>
- History : Received: April 1, 2026; Revised: May 15, 2026; Accepted: June 1, 2026; Published: June 30, 2026.
- Citation : Zarinna Abu Zarin, & Hamidah Mat. Tadbir Urus Harta Sepencarian di Malaysia Berteraskan Maqāsid al-Sharīah: Pemerkasaan Keadilan al-Qur'ān, Kesejahteraan Keluarga dan Kelestarian Madani: Matrimonial Property Governance in Malaysia: A Maqāsid al-Sharīah Approach to Qur'ānic Justice, Family Welfare, and Madani Sustainability. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 22(1), 440–451. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.629>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

Tadbir Urus Harta Sepencarian di Malaysia Berteraskan Maqāsid al-Sharīah: Pemerkasaan Keadilan al-Qur’ān, Kesejahteraan Keluarga dan Kelestarian Madani

Matrimonial Property Governance in Malaysia through Maqāsid al-Sharīah: Advancing Qur’ānic Justice, Family Welfare, and Madani Sustainability

Zarina Abu Zarin*

Faculty of Social Sciences and Humanities
Open University Malaysia

Hamidah Mat

Faculty of Social Sciences and Humanities
Open University Malaysia

Abstrak

Kajian ini membincangkan kecekapan urus tadbir dalam tuntutan harta sepencarian sebagai pemangkin kepada kemajuan ekonomi keluarga Madani. Permasalahan utama yang sering timbul ialah kelewatan, ketidakcekapan dan kekurangan kefahaman masyarakat dalam proses tuntutan yang akhirnya menjejaskan keharmonian rumah tangga, kestabilan sosial dan ekonomi keluarga. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan kajian kes terhadap pelaksanaan undang-undang Islam berkaitan harta sepencarian di Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa kelemahan dalam urus tadbir menyebabkan ketidakadilan pengagihan harta dan peningkatan jumlah harta beku. Kajian ini mencadangkan penubuhan pusat bantuan harta sepencarian di setiap negeri, digitalisasi proses tuntutan melalui portal e-Syariah, serta peningkatan pendidikan masyarakat berasaskan prinsip Maqasid Syariah. Kecekapan urus tadbir yang baik dilihat sebagai prasyarat kepada pembentukan keluarga Madani yang adil, sejahtera dan lestari.

Kata kunci: Ekonomi keluarga Madani, harta sepencarian, Maqasid Syariah, urus tadbir Islam

* Correspondence concerning this article should be addressed to Zarinna Abu Zarin at zarinnazarin2801@oum.edu.my

Abstract

The administration of matrimonial property (*harta sepencarian*) claims has emerged as a critical issue within contemporary Islamic family law, particularly in the context of Malaysia's aspiration to develop a just, prosperous, and sustainable Madani society. Inefficiencies in governance, procedural delays, inconsistent implementation across jurisdictions, and limited public awareness of legal rights have increasingly undermined family welfare, economic security, and public confidence in Islamic legal institutions. This study aims to examine the effectiveness of governance mechanisms governing matrimonial property claims in Malaysia and to evaluate their role in strengthening the economic resilience of Madani families from the perspective of *Maqāṣid al-Sharīah*, particularly the principle of *ḥifẓ al-māl* (protection of wealth). Employing a qualitative research design, the study utilises document analysis and case-based examination of Islamic family law enactments, judicial practice directions, Syariah court decisions, scholarly literature, and fatwa-related sources. The data were analysed thematically to identify recurring governance challenges, procedural limitations, and reform opportunities. The findings reveal three major issues: moderate administrative efficiency due to structural and procedural constraints, significant gaps in public legal literacy regarding matrimonial property rights, and adverse socioeconomic consequences arising from delayed or inequitable asset distribution. The study further demonstrates that weaknesses in governance contribute to the accumulation of frozen assets, financial vulnerability among divorced women and dependants, and declining trust in Syariah institutions. From a *Maqāṣid al-Sharīah* perspective, such shortcomings impede the realisation of justice, welfare, and wealth protection. Accordingly, the study proposes the digitalisation of claim management through an enhanced e-Syariah platform, the establishment of state-level matrimonial property assistance centres, and comprehensive public education initiatives to strengthen legal awareness. It argues that efficient, transparent, and value-driven governance constitutes a fundamental prerequisite for safeguarding economic justice, reinforcing family stability, and advancing the broader objectives of Malaysia Madani.

Keywords: Madani Family Economy, matrimonial property, Maqasid Syariah, Islamic governance.

Pendahuluan

Isu tuntutan harta sepencarian semakin mendapat perhatian dalam konteks pembinaan masyarakat Madani yang menekankan prinsip keadilan, kesejahteraan dan tanggungjawab sosial. Dalam masyarakat Islam, harta bukan sekadar simbol kekayaan atau kemewahan tetapi juga amanah yang harus diurus dengan penuh kejujuran, ihsan dan tanggungjawab moral terhadap keluarga serta masyarakat. Oleh itu, kelemahan dalam urus tadbir kes harta sepencarian bukan sekadar menjejaskan hak individu, malah boleh menimbulkan ketidakseimbangan sosial, pertelingkahan keluarga, serta ketidaktentuan ekonomi yang menggugat keharmonian dan kemajuan masyarakat secara keseluruhan.¹

Isu harta sepencarian di Malaysia menjadi semakin kompleks disebabkan oleh gabungan beberapa faktor, terutamanya berlakunya dua sistem perundangan yang beroperasi selari, iaitu sistem undang-undang Islam dan undang-undang sivil. Kedua-dua sistem ini kadangkala memberi tafsiran yang berbeza terhadap hak pemilikan harta, menjadikan pengurusan dan pembahagian harta sepencarian menjadi lebih rumit. Selain itu, adat Melayu turut memainkan peranan penting dalam persepsi masyarakat terhadap pemilikan dan pengagihan harta. Dalam banyak kes, pasangan, terutamanya suami, sering kali tidak memahami hak mereka terhadap harta yang diperoleh sepanjang perkahwinan. Sebagai contoh, ada suami yang beranggapan bahawa segala harta yang dibeli atau didaftarkan atas nama mereka adalah hak mutlak mereka sebagai individu. Namun, menurut undang-undang Islam dan adat Melayu, sebahagian daripada harta yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan tersebut sebenarnya boleh dikategorikan sebagai harta sepencarian, yang bermaksud harta yang diperoleh hasil usaha bersama suami isteri. Salah faham terhadap hak harta sepencarian ini sering mencetuskan konflik dalam keluarga apabila berlaku perceraian, poligami, atau kematian pasangan, kerana setiap pihak tidak jelas tentang hak mereka ke atas pembahagian harta tersebut. Hal ini akhirnya menimbulkan ketidakseimbangan dalam pengagihan harta, mengganggu keharmonian keluarga, dan menyebabkan ketidakadilan yang lebih besar dalam masyarakat secara keseluruhan.²

Harta sepencarian lazimnya dituntut dalam tiga keadaan utama iaitu poligami, perceraian dan kematian. Dalam keadaan poligami, tuntutan ini berlaku apabila suami berhasrat untuk beristeri lebih daripada satu dan isteri pertama berhak menuntut bahagian daripada harta yang diperoleh sepanjang

¹Asmak Husin & Nur Bazla, *Hak Harta Sepencarian Wanita Pasca Perceraian di Malaysia* (Jurnal Sosial Malaysia, 2018), 54-56.

²Asmak Husin & Nur Bazla, *Hak Harta Sepencarian Wanita Pasca Perceraian di Malaysia* (Jurnal Sosial Malaysia, 2018), 54-56.

tempoh perkahwinan mereka sebelum pernikahan baharu berlangsung. Kajian oleh Asmak Husin dan Nur Bazla (2018) mendapati bahawa banyak pasangan tidak memahami hak mereka dalam situasi poligami, yang sering menimbulkan ketidakadilan dan konflik apabila pembahagian harta tidak dibuat secara adil.³ Dalam kes perceraian, tuntutan harta sepencarian timbul bagi menentukan pembahagian harta yang adil selepas rumah tangga berakhir, sementara dalam kes kematian, tuntutan biasanya dilakukan oleh pasangan yang masih hidup bagi menuntut bahagian daripada harta yang diperoleh bersama sebelum diagihkan kepada waris melalui sistem faraid. Rabi'ah et al. (2021) menyatakan bahawa kes-kes kematian sering kali melibatkan pertikaian mengenai hak pasangan yang ditinggalkan, terutama jika harta yang diperoleh bersama tidak dibahagikan dengan adil sebelum diwariskan kepada waris melalui faraid.⁴ Ketiga-tiga keadaan ini menuntut pengurusan yang sistematik, adil dan berpaksikan prinsip syariah agar tiada pihak yang teraniaya dan kesejahteraan keluarga dapat dikekalkan walaupun selepas berlakunya perubahan status perkahwinan.

Dari sudut hukum Islam, asas kepada pengurusan harta sepencarian berpaksikan prinsip Maqasid Syariah yang menegaskan lima objektif utama syariah: menjaga agama (*hifz al-din*), menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), menjaga akal (*hifz al-'aql*), menjaga keturunan (*hifz al-nasl*), dan menjaga harta (*hifz al-mal*). Dalam konteks ini, *hifz al-mal* menjadi aspek yang sangat relevan kerana ia bukan sekadar bermaksud pemeliharaan hak pemilikan harta, tetapi juga penegakan keadilan dan ketelusan dalam pengurusannya. Islam memandang pemilikan harta sebagai amanah dan tanggungjawab yang harus diurus dengan penuh integriti. Rasulullah SAW menegaskan bahawa harta seseorang tidak akan berkurang kerana sedekah dan bahawa sebaik-baik manusia ialah mereka yang memberi manfaat kepada orang lain. Oleh itu, pengurusan harta yang adil dalam konteks rumah tangga bukan sahaja menegaskan hak individu tetapi juga memperkukuh struktur sosial dan ekonomi masyarakat.⁵

Hifz al-mal dalam konteks keluarga Madani bermaksud memastikan setiap anggota keluarga mendapat hak mereka secara saksama dan berlandaskan keadilan Islam. Kelemahan urus tadbir dalam pengurusan harta sepencarian boleh membawa kepada pelbagai bentuk ketidakadilan seperti perebutan harta selepas kematian pasangan, penindasan terhadap wanita atau anak-anak, dan pengabaian tanggungjawab nafkah selepas perceraian.

³ Asmak Husin & Nur Bazla, *Hak Harta Sepencarian Wanita Pasca Perceraian di Malaysia* (Jurnal Sosial Malaysia, 2018), 54-56.

⁴ Rabi'ah, et al., *Keberkesanan Sistem Perundangan Syariah dalam Tuntutan Harta Sepencarian* (Jurnal Perundangan Islam, 2021), 102-104.

⁵ Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat* (Beirut: Dar al-Qalam, 1993), 122.

Kesemua situasi ini bukan sahaja menggugat kesejahteraan keluarga tetapi juga menjejaskan kestabilan ekonomi mikro dan makro dalam masyarakat Islam. Maka, urus tadbir yang cekap, sistematik dan berpandukan nilai-nilai syariah amat penting bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan dan keharmonian sosial terpelihara.⁶

Dalam kerangka masyarakat Madani, keadilan ekonomi merupakan antara teras utama yang menyokong pembangunan insan seimbang. Masyarakat Madani yang diperkenalkan dalam dasar Malaysia Madani bukan sahaja menekankan kemajuan material tetapi juga aspek rohani, moral dan sosial yang berpaksikan nilai-nilai kemanusiaan sejagat seperti hormat, ihsan, kejujuran dan tanggungjawab. Oleh itu, isu pengurusan harta sepencarian perlu dilihat bukan sekadar dari sudut perundangan, tetapi sebagai satu instrumen pembangunan ekonomi keluarga dan kesejahteraan sosial. Apabila harta diagihkan secara adil, hubungan antara ahli keluarga dapat dikekalkan dalam suasana kasih sayang, saling percaya dan tanggungjawab bersama dan inilah asas kepada pembentukan keluarga Madani yang harmoni.

Kecekapan urus tadbir dalam kes tuntutan harta sepencarian turut menjadi kayu ukur kepada keberkesanan institusi Syariah di Malaysia. Mahkamah Syariah dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) memainkan peranan penting dalam memastikan sistem pengurusan tuntutan dilaksanakan secara telus dan efisien.⁷ Walau bagaimanapun, masih terdapat kelewatan dan pertindihan prosedur yang menyebabkan proses penyelesaian mengambil masa terlalu lama, sekali gus menimbulkan tekanan emosi dan kewangan kepada pihak-pihak yang terlibat. Keadaan ini boleh menjejaskan persepsi masyarakat terhadap kredibiliti institusi agama. Maka, penambahbaikan sistem termasuk pendigitalan proses tuntutan, penubuhan pusat bantuan guaman Syariah dan peningkatan kesedaran masyarakat mengenai hak harta sepencarian adalah langkah penting ke arah urus tadbir Madani yang efisien dan berintegriti.

Dalam Islam, keadilan dalam pengurusan harta merupakan cerminan kepada keimanan dan ketakwaan. Al-Quran berulang kali menegaskan larangan terhadap makan harta batil, iaitu mengambil harta orang lain secara tidak sah atau dengan cara yang menindas. Firman Allah SWT dalam surah al Baqarah ayat 188 menyebut:

⁶ Ahmad Akram, & Mek Wok. (2020). *Maqasid al-Adl (Keadilan) dalam isu tuntutan harta sepencarian di Malaysia*. *Journal of Islam in Asia*, 17(3), 145-162.

⁷ Abdullah, M., & Mohd Daud, M. N. (2018). *Urf dan aplikasinya dalam perundangan Islam di Malaysia*. *Jurnal Syariah dan Undang-Undang*, 25(2), 15-30.

“Dan janganlah kamu makan harta di antara kamu dengan cara yang batil, dan janganlah kamu bawa (urusan) itu kepada hakim untuk kamu makan sebahagian daripada harta orang lain dengan cara dosa, padahal kamu mengetahuinya.”

Ayat ini menjelaskan bahawa urus tadbir yang tidak adil bukan sahaja satu kesalahan moral dan sosial, tetapi juga dosa yang besar di sisi Allah SWT.⁸ Maka, kecekapan urus tadbir bukan sekadar soal pentadbiran teknikal, tetapi juga manifestasi keimanan dan ketakwaan dalam melaksanakan keadilan sosial.

Selain aspek hukum, kecekapan urus tadbir harta sepencairan turut memberi kesan langsung terhadap kemajuan ekonomi keluarga Madani. Dalam keluarga yang diurus dengan baik, pembahagian harta yang adil membolehkan pasangan yang berpisah atau waris yang ditinggalkan mempunyai sumber ekonomi untuk meneruskan kehidupan. Hal ini mengurangkan risiko kemiskinan, ketergantungan kepada bantuan kerajaan dan masalah sosial yang lain. Keadilan ekonomi yang ditegakkan melalui sistem urus tadbir Islam yang cekap akan membina asas kestabilan ekonomi negara secara keseluruhan.

Tambahan pula, pemeliharaan harta yang dilakukan berlandaskan prinsip Maqasid Syariah memastikan keseimbangan antara keperluan duniawi dan ukhrawi. Dalam Islam, pengurusan harta bukan bertujuan untuk memperkayakan diri, tetapi untuk mencapai kesejahteraan bersama (*masalah 'ammah*).⁹ Apabila masyarakat memahami hakikat ini, maka tuntutan harta sepencairan dilihat sebagai tanggungjawab moral untuk menegakkan keadilan dan bukan sebagai perebutan materialistik sematamata.

Kesimpulannya, tuntutan harta sepencairan bukan hanya isu hukum keluarga, tetapi juga satu refleksi terhadap nilai dan keadilan dalam masyarakat Madani. Kelemahan dalam urus tadbir akan membawa kepada ketidakseimbangan sosial, tetapi kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan akan memperkukuh keadilan ekonomi, memperkasakan wanita, serta meneguhkan institusi keluarga sebagai asas kemajuan negara. Dalam kerangka Malaysia Madani yang berteraskan enam nilai utama iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan, kecekapan urus tadbir tuntutan harta sepencairan mencerminkan penerapan

⁸ Al Quran, *Tafsir Pimpinan Ar Rahman Kepada Pengertian al Quran (2001)* Dar al Kitab. Malaysia.

⁹ Nadhirah, S., Sumayyah, M., & Mahadi, A. (2020). *Konsep uruf dan aplikasi dalam harta sepencairan di Malaysia*. *Journal of Shariah Law Research*, 4(1), 1–15.

nilai Islam yang sebenar dalam sistem sosial moden. Oleh itu, setiap langkah ke arah penambahbaikan sistem ini adalah pelaburan moral, sosial dan ekonomi untuk generasi Madani yang lebih adil, mampan dan berakhlak tinggi. Objektif utama dari penambahbaikan ini adalah untuk memastikan pengurusan harta sepencarian yang adil dan cekap, yang seterusnya memperkuatkan struktur sosial, memajukan ekonomi keluarga, serta menyokong pembangunan masyarakat Madani yang sejahtera dan berintegriti.

Skop dan Metodologi

Skop kajian ini adalah untuk memperhalusi konsep dan memperkasa tadbir rurus tuntutan harta sepencarian di Malaysia. Ia membuktikan bahawa Islam bersifat anjal dan meraikan kepelbagaian adat setempat yang tidak bertentangan dengan syariah. Amalan ini memperlihatkan kebijaksanaan ulama dan masyarakat Melayu dalam menggabungkan nilai budaya dan agama untuk menjamin keadilan gender dan kesejahteraan keluarga. Walau bagaimanapun, cabaran kontemporari seperti kekurangan kesedaran masyarakat, kelewatan prosedur, dan perbezaan pelaksanaan di antara negeri menuntut reformasi pentadbiran yang lebih cekap, sistematik dan berasaskan prinsip *Maqasid Syariah*.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menumpukan kepada analisis dokumen dan kajian kes. Data diperoleh daripada sumber sekunder berikut: Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam setiap negeri; Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM); laporan kes mahkamah syariah berkaitan harta sepencarian; dan penulisan ilmiah serta fatwa ulama tempatan berhubung prinsip urus tadbir Islam dan Maqasid Syariah. Analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis tema (*thematic analysis*) bagi mengenal pasti pola, isu dan cadangan penambahbaikan dalam pengurusan tuntutan. Fokus utama diberikan kepada aspek kecekapan urus tadbir, keadilan prosedur dan kesannya terhadap kesejahteraan ekonomi keluarga Madani.

Dapatan Kajian

Kajian ini mendapati bahawa kecekapan urus tadbir tuntutan harta sepencarian di Malaysia masih berada pada tahap sederhana. Walaupun sistem pentadbiran Syariah negara telah melalui pelbagai proses penambahbaikan sejak penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), namun dari segi pelaksanaan di lapangan, masih terdapat kekangan struktur, prosedur, dan sumber manusia yang menjejaskan keberkesanan pengurusan kes. Dalam analisis tema yang dijalankan, tema kecekapan urus tadbir muncul sebagai isu utama, kerana di sesetengah negeri, proses tuntutan mengambil masa yang panjang disebabkan kekurangan pegawai

mahkamah dan beban kerja yang tinggi. Tema kedua yang dikenal pasti adalah ketidakseimbangan pelaksanaan antara negeri, termasuk perbezaan dalam tempoh pemfailan, keperluan dokumen sokongan, dan tafsiran istilah “sumbangan bersama,” yang menyumbang kepada ketidakseimbangan dalam pengagihan harta. Keadilan prosedur menjadi tema ketiga yang timbul, kerana ketidakseimbangan ini mewujudkan persepsi bahawa keadilan dalam sistem Syariah masih bersifat relatif dan bergantung kepada pentadbiran setempat, bukan kepada prinsip universal syariah. Keadilan Islam yang tidak diterjemahkan secara konsisten di seluruh negara menuntut reformasi urus tadbir yang lebih tersusun. Dapatan ini mencadangkan agar prinsip keadilan Islam dapat diterjemahkan secara konsisten di seluruh negara, seterusnya mencerminkan keadilan universal dalam pengurusan harta sepencarian.¹⁰

Kecekapan urus tadbir yang sederhana ini juga berpunca daripada kekurangan kemudahan sokongan dan sistem data yang bersepadu. Pada masa kini, maklumat kes harta sepencarian masih belum diintegrasikan sepenuhnya dalam sistem e-Syariah, menjadikan proses rujukan dan pengesanan status kes agak lambat. Kajian oleh Rabi’ah (2021) menyatakan bahawa sistem e-Syariah yang masih belum sepenuhnya berfungsi dengan baik menyebabkan ketidakcekapan dalam pengurusan kes, dan kurangnya pangkalan data berpusat untuk merekodkan harta yang diperoleh sepanjang perkahwinan menyukarkan mahkamah dalam menentukan sumbangan bersama antara pasangan.¹¹ Menurut Mohd Ali Roshidi¹² memberitahu bahawa ketiadaan sistem dokumentasi yang komprehensif menyebabkan keputusan kes sering bergantung kepada bukti manual seperti resit, nama pemilikan atau testimoni, yang tidak semestinya mencerminkan sumbangan sebenar pasangan dalam kehidupan berumahtangga. Kekangan ini menuntut transformasi pentadbiran Syariah yang lebih moden dan mesra rakyat, sejajar dengan tuntutan era digital dan gagasan Malaysia Madani yang menekankan urus tadbir berasaskan nilai, efisien dan telus.

Dapatan kedua menunjukkan wujudnya jurang kefahaman yang signifikan dalam kalangan masyarakat, khususnya wanita, terhadap hak mereka dalam harta sepencarian. Menurut kajian oleh Asmak Husin dan Nur Bazla (2018), ramai wanita hanya mengetahui hak mereka selepas berlaku perceraian atau kematian pasangan. Kajian tersebut mendapati bahawa 65% wanita yang terlibat dalam kajian tersebut tidak sedar bahawa mereka berhak

¹⁰ Rabi’ah, et al., *Keberkesanan Sistem Perundangan Syariah dalam Tuntutan Harta Sepencarian* (Jurnal Perundangan Islam, 2021), 102-104.

¹¹ Rabi’ah, et al., *Keberkesanan Sistem Perundangan Syariah dalam Tuntutan Harta Sepencarian* (Jurnal Perundangan Islam, 2021), 102-104.

¹² Mohd Ali Roshidi. (2021). *Pelaksanaan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Analisis perbezaan antara negeri*. Journal of Contemporary Islamic Law, 6(1), 33–48.

terhadap harta yang diperoleh sepanjang perkahwinan, sehingga mereka menghadapi masalah apabila ingin menuntut hak mereka selepas perceraian atau kematian pasangan. Hal ini menggambarkan bahawa pendidikan undang-undang Islam mengenai hak harta sepencarian masih belum menyeluruh dalam sistem sosial semasa. 70% wanita dalam kajian tersebut beranggapan bahawa harta yang didaftarkan atas nama suami tidak termasuk dalam hak mereka, walhal prinsip fiqh menetapkan bahawa apa jua harta yang diperoleh hasil usaha Bersama sama ada secara langsung atau tidak langsung berhak dituntut oleh kedua-dua pihak. Kekurangan kefahaman ini turut berpunca daripada budaya patriarki dan persepsi tradisional yang melihat peranan wanita hanya sebagai pengurus rumah tangga tanpa pengiktirafan ekonomi. Kajian ini juga mencatatkan bahawa 55% daripada wanita yang ditemu bual merasakan bahawa mereka tidak mendapat pengiktirafan yang sepatutnya dalam hal kewangan keluarga.¹³

Menurut kajian Nur Sarah Tajul Urus (2021) turut menyatakan bahawa kurangnya pendedahan tentang prosedur mahkamah Syariah menjadikan ramai wanita enggan memfailkan tuntutan kerana beranggapan prosesnya rumit dan memakan masa. Dalam konteks masyarakat luar bandar, faktor jarak dan kos guaman juga menjadi penghalang utama. Akibatnya, banyak harta sepencarian tidak dituntut dan akhirnya menjadi “harta beku” yang gagal diagihkan.¹⁴ Situasi ini menimbulkan kesan sosioekonomi yang besar, terutamanya kepada ibu tunggal dan anak-anak yang kehilangan sumber pendapatan selepas perceraian. Maka, pengukuhan kefahaman masyarakat terhadap hak harta sepencarian bukan hanya isu pengetahuan hukum, tetapi juga isu pembangunan sosial dan keadilan gender yang perlu ditangani secara sistematik.

Dapatan ketiga memperincikan implikasi kelemahan urus tadbir terhadap ekonomi keluarga Madani. Dalam konteks ini, keluarga dianggap sebagai unit asas ekonomi dan sosial dalam masyarakat Islam. Kecekapan urus tadbir harta sepencarian memainkan peranan penting dalam menentukan kestabilan ekonomi mikro yang menyumbang kepada kesejahteraan makro. Kelewatan atau ketidakadilan dalam pengurusan harta boleh menyebabkan kehilangan sumber kewangan utama bagi pihak isteri dan anak-anak. Apabila hak mereka dinafikan atau tertangguh, ia bukan sahaja menjejaskan kehidupan harian tetapi juga menimbulkan ketegangan psikologi dan sosial yang berpanjangan. Menurut kajian oleh Ahmad Akram dan Mek Wok (2020),

¹³ Asmak Husin, A., & Nur Bazla, N. (2018). *Hak Harta Sepencarian Wanita Pasca Perceraian di Malaysia* (Jurnal Sosial Malaysia, 2018), 54-56.

¹⁴ Nur Sarah Tajul Urus, Rabi'ah, N., & Abdul Rashid, S. (2021). *Cabaran pelaksanaan tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Syariah: Satu tinjauan awal*. *Journal of Fatwa Management and Research*, 12(1), 87-104.

kelewatan penyelesaian kes harta sepencarian mempunyai kesan langsung terhadap peningkatan kadar kemiskinan dalam kalangan wanita pasca perceraian, dengan kira-kira 45% wanita yang terlibat dalam kes perceraian melaporkan kehilangan sumber kewangan utama mereka, yang menyumbang kepada peningkatan kadar kemiskinan dalam kalangan mereka. Kajian ini juga mendapati bahawa 30% wanita yang terlibat dalam kes harta sepencarian menghadapinya selama lebih dari 12 bulan, yang memperburuk keadaan kewangan mereka selepas perceraian.¹⁵

Selain itu, sistem yang tidak efisien turut menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap institusi Syariah. Persepsi negatif terhadap keupayaan mahkamah Syariah dalam menyelesaikan kes secara cepat dan adil boleh melemahkan keyakinan masyarakat Islam terhadap sistem keadilan Islam itu sendiri. Dalam kerangka *Maqasid Syariah*, kehilangan kepercayaan terhadap institusi agama menjejaskan fungsi *hifz al-din* (penjagaan agama) dan *hifz al-mal* (penjagaan harta), sekali gus menggugat keutuhan sistem sosial Madani. Sebaliknya, apabila urus tadbir dilaksanakan secara adil dan efisien, ia akan meningkatkan daya tahan ekonomi keluarga serta mengurangkan jurang ketidakseimbangan gender dalam pemilikan aset. Hal ini selaras dengan pandangan Yusuf al-Qaradawi (1993) bahawa pengurusan harta yang adil merupakan asas kepada pembangunan sosial yang berteraskan ihsan dan keadilan sejagat.¹⁶

Kesimpulan

Kecekapan urus tadbir dalam tuntutan harta sepencarian merupakan elemen penting dalam memperkukuh struktur keluarga Madani. Urus tadbir yang lemah bukan sahaja menjejaskan hak individu, malah melemahkan asas keadilan sosial dan ekonomi masyarakat. Pengukuhan sistem pentadbiran yang berintegriti, telus dan berpaksikan Maqasid Syariah akan membantu membentuk keluarga Madani yang makmur, adil dan sejahtera selaras dengan aspirasi Malaysia Madani.

¹⁵ Ahmad Akram, A., & Mek Wok, M. (2020). *Impak Kelewatan Penyelesaian Tuntutan Harta Sepencarian terhadap Ekonomi Keluarga* (Jurnal Keluarga Islam, 2020), 120-122.

¹⁶ Yusuf al-Qaradawi. (1993). *Fiqh al-Daulah fi al-Islam*. *Kaherah*: Dar alShuruq.

Bibliografi

- Abdullah, M., & Mohd Daud, M. N. (2018). *Urf dan aplikasinya dalam perundangan Islam di Malaysia. Jurnal Syariah dan Undang-Undang, 25(2), 15-30.*
- Ahmad Akram, & Mek Wok. (2020). *Maqasid al-Adl (Keadilan) dalam isu tuntutan harta sepencarian di Malaysia. Journal of Islam in Asia, 17(3), 145-162.*
- Asmak Husin & Nur Bazla, *Hak Harta Sepencarian Wanita Pasca Perceraian di Malaysia (Jurnal Sosial Malaysia, 2018), 54-56.*
- Al Quran, *Tafsir Pimpinan Ar Rahman Kepada Pengertian al Quran (2001)* Dar al Kitab. Malaysia.
- Asmak Husin, A., & Nur Bazla, N. (2018). *Hak Harta Sepencarian Wanita Pasca Perceraian di Malaysia (Jurnal Sosial Malaysia, 2018), 54-56.*
- Mohd Ali Roshidi. (2021). *Pelaksanaan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Analisis perbezaan antara negeri. Journal of Contemporary Islamic Law, 6(1), 33-48.*
- Nur Sarah Tajul Urus, Rabi'ah, N., & Abdul Rashid, S. (2021). *Cabaran pelaksanaan tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Syariah: Satu tinjauan awal. Journal of Fatwa Management and Research, 12(1), 87-104.*
- Ahmad Akram, A., & Mek Wok, M. (2020). *Impak Kelewatan Penyelesaian Tuntutan Harta Sepencarian terhadap Ekonomi Keluarga (Jurnal Keluarga Islam, 2020),120-122.*
- Nadhirah, S., Sumayyah, M., & Mahadi, A. (2020). *Konsep uruf dan aplikasi dalam harta sepencarian di Malaysia. Journal of Shariah Law Research, 4(1), 1-15.*
- Rabi'ah, et al., *Keberkesanan Sistem Perundangan Syariah dalam Tuntutan Harta Sepencarian (Jurnal Perundangan Islam, 2021), 102-104.*
- Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat* (Beirut: Dar al-Qalam, 1993), 122.
- Yusuf al-Qaradawi. (1993). *Fiqh al-Daulah fi al-Islam. Kaherah: Dar alShuruq.*